



**NOTIS PENGUMUMAN
PENGUNDIAN PROJEK MESRA RAKYAT (PMR)
DAERAH TANGKAK TAHUN 2024**

**MAJLIS CABUTAN UNDI PROJEK MESRA RAKYAT (PMR) BAGI KONTRAKTOR
KERJA TARAF BUMIPUTERA AKAN DILAKSANAKAN
SEPERTI KETETAPAN BERIKUT :**

SYARAT-SYARAT PENGUNDIAN

Kontraktor hendaklah mematuhi syarat-syarat seperti berikut :

1. Kaedah pendaftaran perlu hadir ke Kaunter di Majlis Daerah Tangkak secara bersemuka, sebagaimana ketetapan berikut :

Tarikh : 11hb Jun 2024 – 13hb Jun 2024 (Selasa – Khamis)

Masa : 8.00 pagi hingga 1.00 petang } Selasa &
2.00 petang hingga 4.00 petang } Rabu

8.00 pagi hingga 1.00 petang }
2.00 petang hingga 3.00 petang } Khamis

Tempat : Kaunter Majlis Daerah Tangkak

2. Hanya kontraktor-kontraktor **kelas G1 bertaraf bumiputera** dan berdaftar di dalam daerah ini sahaja layak mengambil bahagian di dalam cabutan undi **Projek Mesra Rakyat (PMR)** ini.
3. **Pengecualian** kepada kontraktor-kontraktor yang pernah mendapat tawaran kerja sebutbarga pada tahun ini.
4. Kontraktor mestilah **berdaftar dan membuat pembayaran di Kaunter Majlis Daerah Tangkak**. Bayaran bagi pendaftaran hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank daripada bank yang berlesen dan beroperasi di Malaysia atau kiriman wang pos (money order) atau wang kiriman pos berpaling (postal order), dan dibayar atas nama "**MAJLIS DAERAH TANGKAK**". **WANG TUNAI ATAU CEK TIDAK BOLEH DITERIMA** selaras dengan ketetapan 1PP-PK2 perenggan 8(iii) (e) (5).
5. Kontraktor / Pemilik Syarikat perlu mengemukakan salinan dokumen semasa pendaftaran di Kaunter Majlis Daerah Tangkak.

6. Salinan Dokumen perlu dibawa seperti berikut :

- Kad Pengenalan
- Sijil Pendaftaran Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)
- Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)
- Sijil Pendaftaran Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- Sijil Suruhanjaya Tenaga (ST)
- Cop Rasmi Syarikat, dan
- Salinan Penyata Bank bagi 3 bulan (Mac, April, Mei) (minimum RM3,000.00)
- Kod Bidang Dalam Pengundian ME : E04, E11, E16 & E17

7. Pastikan setiap sijil masih mempunyai Tempoh Sah Laku Sekurang-kurangnya 3 bulan dari tarikh tamat tempoh dan salinan penyata bank bagi 3 bulan (Mac, April, Mei 2024) dan mempunyai modal terkini tidak kurang RM3,000.00.
8. Pemilik syarikat yang berjaya menyertai pengundian hendaklah hadir ke Pejabat Besar Majlis Daerah Tangkak dengan membawa dokumen/sijil-sijil asal Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), perakuan Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputra (PKK) serta Sijil Suruhanjaya Tenaga (ST).
9. Kontraktor tidak dibenarkan menyertai Proses Undian Kerja jika didapati lewat ataupun gagal mendaftar mengikut masa yang telah ditetapkan oleh Majlis Daerah Tangkak
10. Hanya penama-penama yang namanya tercatat di dalam Sijil Pendaftaran PKK sahaja layak untuk mendaftar dan dibenarkan membuat cabutan undi.
11. Surat kebenaran khas dari CIDB tidak dibenarkan sama sekali dalam proses pengundian ini.
12. No giliran ditentukan dengan cara cabutan oleh kontraktor.
13. Untuk makluman lanjut, sila hubungi :

MAJLIS DAERAH TANGKAK
PEJABAT BESAR MAJLIS DAERAH TANGKAK,
84900 TANGKAK,
JOHOR
Email : mdtgk@johor.gov.my
Tel : 06-978 1261 Fax : 06-978 2670

14. Keputusan Adalah Muktamad



(AB RAHMAN BIN MOHAMED @ ISMAIL)
Setiausaha
Majlis Daerah Tangkak

Tarikh : 04 JUN 2024



NOTIS PENGUMUMAN PENGUNDIAN PROJEK MESRA RAKYAT (PMR) DAERAH TANGKAK TAHUN 2024

MAJLIS CABUTAN UNDI PROJEK MESRA RAKYAT (PMR)
BAGI KONTRAKTOR KERJA TARAF BUMIPUTERA AKAN
DILAKSANAKAN SEPERTI KETETAPAN BERIKUT :

SESI PENDAFTARAN SECARA BERSEMUKA

TARIKH : 11HB JUN 2024 – 13HB JUN 2024
(SELASA-KHAMIS)

SESI PENGUNDIAN

TARIKH : 19HB JUN 2024 (RABU)
MASA : 10.30 PAGI
TEMPAT : BILIK MESYUARAT PEKAKA EMAS
PENGUNDIAN : MAJLIS DAERAH TANGKAK

MAKLUMAN :

- ❖ HANYA KONTRAKTOR-KONTRAKTOR KELAS G1 BERTARAF BUMIPUTERA DAN BERDAFTAR DI DALAM DAERAH INI SAHAJA LAYAK MENGAMBIL BAHAGIAN DI DALAM CABUTAN UNDI PROJEK MESRA RAYKAT (PMR) INI.
- ❖ KONTRAKTOR-KONTRAKTOR YANG PERNAH MENDAPAT TAWARAN KERJA SEBUTHARGA PADA TAHUN INI **TIDAK LAYAK** MENYERTAI UNDI PROJEK MESRA RAYKAT (PMR).
- ❖ SURAT KEBENARAN KHAS DAN CIDB **TIDAK DIBENARKAN** SAMA SEKALI DALAM PROSES PENGUNDIAN
- ❖ PEMILIK SYARIKAT YANG BERJAYA MENYERTAI PENGUNDIAN HENDAKLAH HADIR KE PEJABAT BESAR MAJLIS DAERAH TANGKAK DENGAN MEMBAWA DOKUMEN/SIJIL-SIJIL ASAL SURUHANJAYAS SYARIKAT MALAYSIA (SSM), PERAKUAN PENDAFTARAN LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN (CIDB), SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK), SIJIL TARAF BUMIPUTERA (PKK), SIJIL SURUHANJAYA TENAGA (ST) DAN PENYATA AKAUN BANK (MAC, APRIL, MEI) 2024 KETIKA PERMOHONAN DIBUAT.
- ❖ NO GILIRAN DITENTUKAN DENGAN CARA CABUTAN OLEH KONTRAKTOR.

Untuk makluman lanjut, sila hubungi :

MAJLIS DAERAH TANGKAK,
PEJABAT BESAR MAJLIS DAERAH TANGKAK
84900 TANGKAK,
JOHOR

Email : mdtgk@johor.gov.my
Tel : 06-978 1261 Fax : 06-978 2670